



**PENGUMUMAN**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA**  
**NOTIS CABUTAN UNDI BIL 1/2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk **Cabutan Undi Bil 1/2016** bagi projek seperti berikut :

**Senarai Projek Seperti Di Lampiran A**

2. Sehubungan dengan itu, semua **Kontraktor Bumiputera Gred G1** yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) serta telah **mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** di dalam Gred Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan serta berminat adalah dijemput ( tertakluk kepada syarat-syarat dibawah ) untuk menghadiri sesi pengundian seperti ketetapan berikut:

TARIKH UNDIAN	: 23 Ogos 2016
PENDAFTARAN	: 8.30 pagi – 9.30 pagi
WAKTU MULA UNDI	: 9.45 pagi
TEMPAT	: Hadapan PKOB, Pejabat Daerah Dan Tanah SPU

3. Hanya kontraktor yang mendaftar pada hari tersebut sahaja yang layak untuk diundi bagi perolehan kerja yang dinyatakan diatas. **Wakil tidak dibenarkan mengundi.**

5. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi **dimestikan membawa Sijil Asal PKK,CIDB,SSM dan slip pendaftaran sistem e-perolehan** pada hari pendaftaran.

6. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa dan syarat yang ditetapkan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HAKMAL EFFENDI BIN ISHAK)**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)  
b.p. Pegawai Daerah, SPU

**SENARAI PROJEK BAGI CABUTAN UNDI BIL 1/2016  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA**

BIL	KADUN	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
<b>DEWAN (PENGKHUSUSAN – B04)</b>			
1	Bertam	Dewan Lahar Tabut	15,000.00
2	Pinang Tunggal	Dewan JKKK Kampung Tok Bedu	18,000.00
3	Telok Air Tawar	Dewan Orang Ramai di Taman Robina	15,900.00
4	Penaga	Dewan Pengkalan Bonggor dan Dewan Guar Kepah	13,100.00
<b>JALAN (PENGKHUSUSAN – CE01)</b>			
1	Bertam	Turap Semula Jalan Di Lorong Jalan Satu	20,000.00
2	Bertam	Turap Semula Kampung Di Sebelah Tokong Sayur Jalan Dua	20,000.00
3	Bertam	Turap Semula Jalan Kampung Di Jalan 3	20,000.00
4	Bertam	Turap Semula Jalan Kampung Di Jalan 2 Ke Jalan 3	20,000.00
5	Bertam	Turap Semula Jalan Di Padang Benggali dan Permatang Pauh	20,000.00
6	Sungai Dua	Bina Baru Dan Menurap Semula Jalan Kampung Di Kampung Baru, Pajak Song	20,000.00
7	Sungai Dua	Kerja-Kerja Melebar Dan Menurap Semula Jalan Kampung Di Pajak Song	20,000.00
8	Sungai Dua	Menurap Semula Jalan Kampung Tok Rai, Sungai Dua	20,000.00
9	Sungai Dua	Menurap Semula Jalan Kampung Di Guar Kepayang	20,000.00
10	Pinang Tunggal	Menurap Jalan Di Kampung Selamat Selatan (Lot 1426 Mukim 12)	13,000.00
11	Pinang Tunggal	Menurap Semula Jalan Kampung Kubang Menerong, Tasek Gelugor	17,500.00